

MEDIA CLIPPING

Client :	Heng Huat Resources Group Berhad	Date :	19 July 2014
Media :	Berita Harian	Section :	Business
Language :	Malay		

“Heng Huat’s IPO oversubscribed 60.3 times”

IPO Heng Huat terlebih langgan 60.3 kali

Tawaran awam permulaan (IPO) penganjur bersepadu minyak sawit dan produk biojisim kelapa di Malaysia, Heng Huat Resources Group Bhd, mendapat sambutan positif dengan bahagian awamnya terlebih langgan sebanyak 60.3 kali.

Heng Huat dalam kenyataannya berkata, ia menerima 14,863 permohonan untuk 428.7 juta saham dengan nilai RM192.9 juta bagi bahagian awam sebanyak tujuh juta saham dalam IPO kumpulan itu.

Pengasas dan Pengarah Urusannya, H’ng Choon Seng, berkata lebih itu menandakan minat pelabur terhadap kedudukan dan potensi pertumbuhan syarikat itu dalam industri pemprosesan biojisim dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

Heng Huat dijangka disenaraikan di Pasaran ACE, Bursa Malaysia pada 25 Julai.

IPO syarikat itu membabitkan terbitan awam sebanyak 46.5 juta saham biasa dan tawaran jualan 14.66 juta saham sedia ada yang ditawarkan pada harga 45 sen sesaham.

Daripada 46.5 juta saham baharu terbitan awam, 7.0 juta saham disediakan untuk permohonan rakyat Malaysia, manakala 5.0 juta saham diperuntukkan kepada pekerja dan individu yang telah menyumbang kepada kejayaan kumpulan itu.